

05/05/2004

Mengenali jati diri Melayu Pak Samad

By Daud Awang

USAHA kerajaan negeri membukukan sejarah perjalanan veteran perang, Abdul Samad Amjah, 84, berasal dari Pengkalan Rama, Melaka, dan kini menetap di Sydney, Australia, selama 60 tahun dianggap wajar dan tepat pada masanya.

Ini kerana Abdul Samad atau lebih dikenali sebagai Pak Samad adalah satu-satunya anak Melayu pertama yang memasuki Australia secara sah dan kemudian diiktiraf sebagai penduduk tetap.

Bagaimanapun, sebelum diterima sebagai penduduk tetap, Pak Samad yang berkahwin dengan gadis Australia, Mavis Anderson yang memeluk Islam dan diberi nama Mak Minah, mempunyai perjalanan penuh ranjau dan duri.

Apatah lagi Pak Samad yang berkulit sawo matang dan bukannya berkulit putih seperti penduduk Australia terpaksa berdepan dengan Dasar Kulit Putih Australia (White Australian Policy) yang memaksanya merengkuh dalam penjara.

Secara ringkas, sejarah Pak Samad bermula apabila dia menyertai Tentera Laut British di Pelabuhan Singapura ketika berumur 18 tahun dan terbabit dalam Perang Dunia Kedua. Selepas perang, Pak Samad berkahwin dengan rakyat Australia, Mak Minah dan memohon kerakyatan negara itu.

Bagaimanapun selepas lima tahun berkahwin, Pak Samad diperintah keluar kerana kerajaan Australia memperkenalkan dasar berkenaan yang melarang rakyat asing menetap di negara itu.

Berikutan pengenalan dasar itu, Pak Samad terpaksa mendapatkan perintah mahkamah dan pernah dipenjarakan selama seminggu kerana membantah dasar terbabit.

Semangat Pak Samad dan dibantu isterinya, Mak Minah tidak pernah luntur dalam usahanya untuk tinggal di Australia dan melalui perbicaraan seterusnya, Pak Samad dibenarkan untuk menetap di negara itu sejak 1949 hingga kini.

Sebelum tiba di Australia, Pak Samad yang hampir terkorban terkena bom akibat serangan tentera Jepun terhadap kapalnya, terpaksa bergantung hidup di atas sekeping papan beberapa hari di lautan sebelum diselamatkan oleh pasukan mencari dan menyelamat (S&R) Australia ketika itu.

Nasib menyebelahi Pak Samad apabila dia mendapat rawatan di Hospital Sydney yang kemudian berkenalan dengan Mak Minah serta mendirikan rumah tangga selepas itu.

Apakah rahsia Pak Samad sehingga diterima sebagai anggota pasukan tentera laut? Jawapannya mudah iaitu penguasaan bahasa Inggeris. Hanya berbekalkan ilmu itu, Pak Samad yang merantau sebatang kara ke Singapura pada tahun 40-an dan kemudian berpeluang memasuki pasukan Tentera Laut British.

Seperkara lagi yang menarik mengenai Pak Samad ialah wataknya termasuk dari segi berpakaian, budi bahasa dan cakap Melayunya tidak berubah walaupun sudah 60 tahun menetap di South Cronulla, Sydney.

Selain itu, anak-anaknya turut diberi nama Melayu seperti Rahman, Omar, Osman, Khatijah, Rahimah dan Fatimah. Kesemua anaknya kecuali Rahimah kini menetap di Sydney, manakala Rahimah menetap di Subang Jaya, Selangor.

Jika bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah berkata melalui sajaknya 'Melayu Mudah Lupa', Pak Samad tidak termasuk dalam kategori itu tetapi ia memang berlaku kepada Melayu lain di Sydney.

Berikutan itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan negeri mahu membukukan pengalaman Pak Samad memasuki Australia selepas Perang Dunia Kedua kerana ia dianggap cukup menarik dan wajar

diketahui umum terutama di kalangan generasi muda.

Selepas mengetuai delegasi Pertemuan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Sydney baru-baru ini, Mohd Ali yang berkesempatan menemui Pak Samad kagum dengan kesungguhan dan semangat Pak Samad memperjuangkan haknya di bumi Australia.

Katanya, semangat dan perjuangan itu wajar dicontohi oleh generasi muda sebagai persiapan membentuk Melaka Maju 2010 dan negara maju menjelang 2020 yang menjurus kepada penguasaan ilmu terutama bahasa Inggeris.

Beliau berkata, walaupun kisah hidup dan pengalaman Pak Samad berlaku di bumi asing, sebagai bangsa Melayu, apa yang dilakukannya tetap menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Buku yang bakal diterbitkan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dalam tempoh enam bulan lagi perlu memenuhi kehendak pelbagai lapisan pembaca dan dilakukan dengan teliti.

Ini penting kerana ia boleh menjadi bahan rujukan pelbagai pihak termasuk sejarawan, guru, pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan sebagainya.

Oleh kerana sejarah dan perjalanan hidup Pak Samad memberi penuh erti kepada rakyat Malaysia, buku berkenaan perlu diolah dan disusun rapi agar penerbitannya tidak diperlekehkan oleh mana-mana pihak.

(END)